

Kastam rampas dadah RM18 juta diisytihar garam

30 Januari 2018



KASTAM RAMPAS DADAH RM18 JUTA DIISYTIHAR GARAM

KETUA Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Datuk Seri T. Subromaniam (tiga dari kiri) menunjukkan sebahagian daripada 880 kilogram dadah yang dirampas di Cawangan Narkotik jabatan itu di Seremban, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN/ASWAD YAHYA

➤ Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bongkar taktik baharu seludup dadah.

➤ Dadah bernilai RM18 juta disembunyikan bersama 1,885 guni garam dalam kontena.

➤ Dibawa masuk dari Karachi, Pakistan melalui Pelabuhan Klang.

➤ 18 warga asing ditahan ketika pungkah garam dan dadah tersebut di Kajang.

Guna taktik isytihar sebagai garam melalui Pelabuhan Klang

Kastam rampas dadah 880kg

Oleh HARADIAN SHAH HAMDAN
pengarang@utusan.com.my

■ SEREMBAN 29 JAN.

TAKTIK satu sindiket didalangi warga asing membawa masuk 880 kilogram (kg) dadah yang dianggarkan bernilai RM18 juta ke negara ini dengan mengisytiharkan sebagai garam melalui Pelabuhan Klang, terbongkar selepas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menyerbu sebuah premis di Kajang, Selangor, Jumaat lalu.

Kejayaan itu merupakan hasil operasi digerakkan Cawangan Narkotik Ibu pejabat JKDM kira-kira pukul 11.30 malam dalam serbuan di premis berkenaan yang dijadikan stor simpanan dadah jenis ketamin dan heroin.

Ketua Pengarah JKDM, Datuk Seri T. Subromaniam berkata, dalam operasi tersebut, pihaknya turut menahan 18 warga asing membabitkan 10 warga Pakistan dan masing-masing empat Myanmar dan Indonesia.

"Hanya tujuh daripada mereka mempunyai dokumen perjalanan sah. Mereka diberkas ketika memunggah 1,885 guni dari dua buah kontena ke dalam premis tersebut yang disyaki dijadikan stor.

"Pemeriksaan mendapati enam daripada guni tersebut mengandungi serbuk putih disyaki ketamin seberat 114kg, manakala



PASUKAN Cobra JKDM bersama sebahagian 880kg dadah yang dirampas di Cawangan Narkotik JKDM, Kampung Jijan, Nilai, semalam. - UTUSAN/ASWAD YAHYA

31 guni lagi berisi serbuk putih kristal dipercayai heroin seberat 766kg," katanya dalam sidang akhbar di Cawangan Narkotik JKDM di Kampung Jijan, Nilai di sini hari ini.

Menurut Subromaniam, pemeriksaan mendapati dadah tersebut dibawa masuk dari Karachi, Pakistan menerusi Pelabuhan Klang dan setiap guni seberat 25kg itu

diisytiharkan sebagai garam.

Mengulas mengenai penglibatan warga asing dalam kes itu, Subromaniam tidak menolak kemungkinan Malaysia dijadikan sebagai transit oleh sindiket tersebut.

"Kita juga sedang menyiasat sama ada warga tempatan terlibat dalam sindiket berkenaan," katanya.

Beliau berkata, kesemua suspek berusia antara 18 hingga 50

tahun itu direman selama tujuh hari bermula Sabtu lalu dan kes disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Menurut Subromaniam, JKDM akan bekerjasama dan berkongsi maklumat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia bagi memranggi kegiatan pengedaran dadah melibatkan sindiket asing.